

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XI)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

6. Kiosk Bertam adalah merupakan kawasan tarikan kerana kawasan tersebut merupakan tempat yang menyediakan makanan yang pelbagai. Kawasan ini perlu dicantikkan dengan limpahan lampu terutama di kawasan Boulevard.
- (a) Adakah pihak MBSP mempunyai perancangan untuk memasang lampu yang menarik untuk mencantikkan serta memeriahkan kawasan tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Pada ketika ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mempunyai sebarang perancangan bagi memasang lampu hiasan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, MBSP tidak mempunyai halangan terhadap cadangan penambakan tersebut melalui projek *Corporate Social Responsibility* (CSR) oleh pihak yang berminat. Selain itu, MBSP juga akan sentiasa memastikan lampu jalan awam sedia ada di kawasan tersebut sentiasa berfungsi dengan baik bagi memberi kemudahan, pencahayaan dan keselamatan kepada para peniaga serta pengunjung.